



**YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

**SIARAN MEDIA**

**RM2 JUTA GERAN MYKASIH KAPITAL BANTU WANITA MULA  
PERNIAGAAN**

**SEPANG, 12 April** – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN hari ini telah menyerahkan geran Insentif MyKasih Kapital kepada 100 orang penerima bagi fasa pertama di Hotel Movenpick. Insentif MyKasih Kapital bernilai RM2 juta yang menyasarkan 4,000 usahawan wanita telah diumumkan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia dalam ucapannya sempena Sambutan Hari Wanita pada 8 Mac 2021 yang lalu.

MyKasih Kapital merupakan program bagi membantu golongan wanita untuk terlibat dalam bidang e-dagang, *dropship* dan lain-lain perniagaan dengan suntikan modal kepada penerima yang berkelayakan. Memperkasakan ekonomi kumpulan sasar yang terkesan akibat pandemik COVID-19 merupakan antara objektif MyKasih Kapital selain membantu meningkatkan taraf hidup mereka bagi memulakan perniagaan. Insentif ini juga disediakan bagi mengoptimumkan potensi individu berdasarkan bidang kemahiran mereka agar tidak terus bergantung kepada bantuan kerajaan sepenuhnya.

“Pastinya Kementerian amat komited dalam memastikan setiap outcome dan impak yang terhasil dari setiap inisiatif yang disumbangkan. Dalam hal ini, bagi memastikan Geran MyKasih Kapital ini benar-benar digunakan oleh penerimanya dalam mengusahakan perniagaan yang telah dirancang, Yayasan Kebajikan Negara akan melaksanakan Kajian Penilaian Keberhasilan Atau Penilaian Outcome ke atas usahawan-usahawan yang telah menerima geran ini” ujar YB Datuk Seri Rina di majlis penyerahan tersebut.

Menurutnya lagi, kajian ini juga akan menilai kesan impak sosial yang dapat dihasilkan menerusi pemberian geran ini, seperti berapa jumlah pendapatan yang mampu dijana oleh setiap penerima. Program pemantauan dan penilaian keberhasilan ini akan dilaksanakan selepas enam bulan daripada tempoh pemberian geran.

KPWKM sebagai Kementerian peneraju agenda kebajikan negara akan terus komitmen untuk membantu golongan yang memerlukan dan akan mengambil tindakan proaktif dan agresif untuk mendayaupayakan penerima-penerima bantuan ini supaya dapat dikeluarkan daripada belunggu kemiskinan dan seterusnya meningkatkan keberkesanan bantuan-bantuan Kerajaan.

Hadir sama pada program ini ialah Encik Mohd Yusri Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha Operasi KPWKM, YBhg. Datin Ema Suhaili, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN dan Pengurusan Tertinggi KPWKM.

\*\*\*

YKN sebagai yayasan yang menerima sumbangan daripada pelbagai pihak sentiasa membuka ruang dan mengalu-alukan sama ada syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKN dalam membantu golongan yang memerlukan. **Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.** Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank seperti berikut:

Nama Akaun	Yayasan Kebajikan Negara Malaysia	
Bank	Alliance Islamic Bank Berhad	Maybank Islamic Bank Berhad
Nombor Akaun	160140010004801	568621012284

Disediakan oleh:  
Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat  
Yayasan Kebajikan Negara  
Aras 8, No. 55, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 Putrajaya.  
03-8323 2437/2420